



MODUL PINTAS
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
Kertas 1

1103/1

2 jam

Dua jam

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU K1
1103/1

KRITERIA PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A: (30 Markah)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa luas. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan – kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.
Pencapaian minimum	(09 – 01)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

**KRITERIA PENSKORAN
KARANGAN BAHAGIAN B (70 MARKAH)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;">60 – 70</p> <p style="text-align: center;">(65 – 70)</p> <p style="text-align: center;">(60 – 64)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis . • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	<p style="text-align: center;">50 – 59</p> <p style="text-align: center;">(55 – 59)</p> <p style="text-align: center;">(50 – 54)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Baik	<p style="text-align: center;">40 – 49</p> <p style="text-align: center;">(45 – 49)</p> <p style="text-align: center;">(40 – 44)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik dan berkesan serta pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.

Memuaskan	30 – 39 (35 – 39) (30 – 34)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas, bercampur aduk dan contoh kurang/tidak sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad atau kurang tepat • Ayat kurang/tidak gramatis tetapi masih difahami. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang/tidak bervariasi. • Gaya bahasa kurang /tidak menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang /tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Kurang memuaskan	20 – 29 (25 – 29) (20 – 24)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.
Pencapaian minimum	10 – 19 (15 – 19) (10 – 14)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar dibaca / tidak difahami.
Belum mencapai pencapaian minimum	01 – 09 (05 – 09) (01 – 04)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon hanya menyalin soalan/ pernyataan soalan sahaja. • Kertas soalan tiada jawapan.

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

Bahagian A

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada isu koperasi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang koperasi sekolah.

Kebaikan/ kepentingan koperasi sekolah

1. Membentuk amalan jimat cermat dan berdikari.
2. Membantu mewujudkan suasana latihan amali bagi mempraktikkan teknik-teknik pengurusan dan perdagangan yang dipelajari di dalam kelas.
3. Membimbing murid sekolah menyiapkan diri menjadi usahawan berjaya setelah tamat persekolahan
4. Melatih murid minat berniaga
5. Menyemai sifat-sifat demokrasi dalam kalangan murid.
6. Menggalakkan sikap bekerjasama dan saling membantu dalam kalangan ahli.
7. Mengasuh bakat kepimpinan dalam kalangan generasi muda.

Bahagian B

Soalan 1 :

Insan yang dilahirkan daripada masyarakat yang mulia merupakan tulang belakang pembangunan negara. Mereka juga bakal menjadi pemimpin negara yang akan menjadikan negara sebagai sebuah negara terbilang yang terus disegani dan disanjung oleh semua pihak. Hal tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan imej negara di mata dunia.

Dewan Siswa Bil.4, 2018

Petikan maklumat di atas menunjukkan betapa pentingnya remaja yang berakhlak mulia kerana mereka merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, mereka perlu mempunyai ciri-ciri peribadi yang baik agar hasrat untuk melahirkan negara yang maju dan harmoni akan tercapai.

Huraikan ciri-ciri remaja yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat menghuraikan ciri-ciri remaja yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Cadangan isi

1. Mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

- Pendidikan yang tinggi mampu menjadikan seseorang itu mempunyai fikiran yang matang.
- Pemikiran yang matang dapat membuahkan fikiran yang baik untuk merangka pembangunan dan kemajuan negara.

2. Taat kepada ajaran agama.

- Agama ialah asas kepada keperibadian yang sempurna yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian
- Agama dapat membentuk komuniti yang bertamadun, bersatu padu dan harmoni.
- Dapat mengelakkan daripada terjebak dalam kancas gejala sosial yang boleh meruntuhkan institusi masyarakat.

3. Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran sosial

- Dapat menjalankan tugas memimpin dengan lebih yakin terutama apabila berhadapan dengan masyarakat pelbagai kaum.
- Akan lebih dihormati oleh masyarakat.

4. Meletakkan agenda perpaduan sebagai salah satu agenda utama

- Perpaduan akan dapat menyatukan penduduk pelbagai kaum dan seterusnya membentuk keharmonian.
- Perpaduan juga dapat memastikan pembangunan dan kemajuan negara berjalan lancar.

Soalan 2 :

Mengubah sikap kepada mencintai alam sekitar memerlukan kefahaman dan kecintaan yang mendalam terhadap sumber alam semula jadi. Rakyat Malaysia di negara ini perlu mencontohi sikap rakyat Jepun dan Korea dalam menjaga alam sekitar. Kebersihan bagi rakyat Jepun merupakan budaya dan jati diri mereka dan mereka percaya jati diri yang baik bukan sahaja membolehkan mereka berjaya malah membolehkan bangsa mereka dikagumi di seluruh dunia.

Dewan Masyarakat, Bil.8, 2019

Berdasarkan petikan di atas, sikap menjaga kebersihan alam sekitar sangat penting dalam masyarakat.

Namun demikian, masyarakat hari ini semakin tidak peka akan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

Huraikan langkah-langkah menjaga kebersihan alam sekitar.

Kehendak Soalan:

Calon diharapkan dapat menghuraikan langkah-langkah menjaga alam sekitar.

Cadangan isi

1. Ibu bapa mendidik tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar
 - Ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil tentang kepentingan menjaga kebersihan menjaga alam sekitar
2. Mendidik melalui kempen
 - Kempen perlu dijalankan secara konsisten dan melibatkan pelbagai pihak
 - Sebagai contoh Kempen Cintai Alam Sekitar
3. Mengamalkan kitar semula
 - Menggunakan semula bahan-bahan terpakai menjadi bahan lain yang bermanfaat
 - Setiap bahan berpotensi untuk diproses semula menjadi barang yang berguna.
 -
4. Menyertai aktiviti sukarelawan
 - Terdapat banyak sampah sarap yang dibuang merata-rata seperti di dalam sungai dan di tepi pantai.
 - Memerlukan para sukarelawan untuk bersama-sama membersihkan kawasan-kawasan tersebut.

Soalan 3 :

KUALA LUMPUR - Kepelbagaian bangsa, agama dan budaya di Malaysia secara tidak langsung memangkin kepada perkembangan variasi jenis makanan warisan yang mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

Tukang masak terkenal, Datuk Chef Ismail berpandangan, kemampuan sesuatu makanan warisan sebagai salah satu faktor untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama adalah tidak dinafikan.

Makanan warisan seperti nasi lemak, rendang, roti canai, teh tarik, nasi kandar, char kuetiau dan dim sum seperti yang kita tahu ialah menu terkenal dalam kalangan rakyat Malaysia dan dinikmati oleh semua rakyat.

Perpaduan Melalui Makanan Warisan
<https://www.sinarharian.com.my>

Kepelbagaian kebudayaan, kesenian dan estetika di Malaysia seperti muzik, tarian, makanan dan pakaian tradisional, adat perkahwinan serta binaan arca mengangkat keunikan Malaysia sebagai negara yang menjadi tumpuan masyarakat dunia.

Sebagai seorang sidang redaksi majalah sekolah, anda ditugaskan untuk menemu bual seorang tokoh masyarakat untuk mengupas keunikan budaya di Malaysia.

Tuliskan temu bual itu selengkapnya.

Kehendak Soalan:

- Calon diharapkan dapat menulis temu bual dengan seorang tokoh masyarakat tentang keunikan budaya di Malaysia.
- Calon mesti menghuraikan lebih daripada satu keunikan budaya di Malaysia. Sekiranya calon hanya menghuraikan satu keunikan budaya, markah tidak boleh cemerlang dan maksimum peringkat markah baik.

Cadangan isi**1. Alatan muzik**

- kaum Melayu - gong, canang, angklung, bonang caklempong, gambus, rebab, rebana
- kaum Cina - dagu, luo, erhu, dizi
- kaum India - sitar, veena, tabla, bansuri
- etnik lain - sompoton, rebana Sabah, sape

2. Tarian tradisional

- kaum Melayu - mak yong, zapin, joget
- kaum Cina - naga, singa, kipas
- kaum India - bharatanatyam, kholattam, khathakali
- etnik lain - sumazau, sumayau, ngajat, kenyalang

3. Makanan tradisional

- kaum Melayu - nasi lemak, bahulu, rendang,
- kaum Cina - char kuetiau, tang yuan, bubur nasi dan sayuran, kuih bulan
- kaum India - maruku, tosai, idli, putu mayam
- etnik lain - tabaloi

4. Pakaian tradisional

- kaum Melayu - baju kurung, kebaya, baju Melayu, sampung
- kaum Cina - ceongsam, samfu
- kaum India - sari, kurta, salwar kameez (sut punjabi), dhoti
- etnik lain - kebaya nyonya, kain sirat, baju baban

5. Adat perkahwinan**Soalan 4 :**

Inisiatif yang disediakan kerajaan untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Belanjawan 2021 membantu PKS menghadapi cabaran akibat pandemik Covid-19. Ketua Pegawai Eksekutif *Funding Societies*, Wong Kah Meng berkata, pihaknya menyokong usaha kerajaan untuk terus melindungi kesejahteraan rakyat dan dalam masa sama merangsang ekonomi negara melalui pelbagai inisiatif.

<https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020>

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana pendapatan negara. Sehubungan dengan itu, semua pihak terutama pihak kerajaan, pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu berganding bahu demi memastikan kelangsungannya berjalan dengan lancar.

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk memajukan Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS).

Kehendak Soalan:

Calon diharapkan dapat menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk memajukan industri kecil dan sederhana.

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja – diterima
2. Jika tiada format rencana – maksimum baik

Cadangan isi

Peranan pihak kerajaan

1. Memberi pembiayaan, geran, pinjaman dan insentif kepada pengusaha – disediakan oleh institusi kewangan seperti Agro Bank, Bank Simpanan Nasional dan lain-lain

2. Memberi khidmat nasihat

- Dari segi produk, bantuan teknikal, pasaran – melalui agensi seperti MARA
- Contoh- memberi khidmat nasihat tentang penggunaan teknologi pembuatan terkini- menukarkan cara pembuatan daripada tradisional kepada teknologi moden
- Membantu memasarkan produk seperti di pasar-pasar malam, pasar tani dan carnival jualan

3. Menyediakan program latihan

- Contoh- keusahawanan, teknik pembuatan produk industri di kawasan mereka seperti labu sayong, keris dan sebagainya.

Peranan institusi pendidikan dan universiti tempatan

- Sekolah memberi pendedahan kepada murid tentang produk IKS melalui mata pelajaran tertentu
- Universiti menjalankan penyelidikan dan pembangunan

Peranan masyarakat setempat

- Membantu pengusaha IKS dengan membeli barangan atau produk yang dihasilkan.

Peranan media massa

- Mengadakan hebahan kempen yang menyokong IKS sama ada melalui media cetak, elektronik atau media sosial seperti Satu Kampung, Satu Produk
- Menyiarkan rancangan berbentuk dokumentari dan drama berkaitan dengan IKS. Sebagai contoh Ohsome Mart dan drama Mak Cun.